

**D.R. 9/94**

Naskhah Sahih—**Bahasa** Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan am. Akta 101

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "TENTERA" dan "Tentera" dalam tajuk ringkas masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "DAN TABUNG BEKAS PERAJURIT" dan "dan Tabung Bekas Perajurit";

RANG UNDANG-UNDANG

- (b) dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

"Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan dua kumpulan wang yang berasingan yang dikenali sebagai Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit, pengurusannya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.";

- (c) dengan memasukkan selepas perkataan "Tabung" di mana-mana jua terdapat di dalamnya kecuali dalam subseksyen 4(1), 5(1) dan (3), dan 6(1) perkataan-perkataan "Angkatan Tentera"; dan

- (d) dengan memasukkan selepas perkataan "TENTERA" dalam tajuk Bahagian II perkataan-perkataan "DAN TABUNG BEKAS PERAJURIT".

3. Teks bahasa kebangsaan Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan 12(b) dan 15A(2)(b) dengan menggantikan perkataan "dilepaskan" dengan perkataan "diberhentikan".

4. (1) Pertukaran nama Akta ini tidaklah—

- (a) menyentuh sebutan mengenai Tabung Angkatan Tentera dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan perusahaan yang wujud sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa;

- (b) menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Lembaga Tabung Angkatan Tentera, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya; dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum Akta ini mula berkuatkuasa boleh diteruskan atau dimulakan sedemikian.

(2) Semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ibu hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuatkuasa sehinggalah dipinda atau dibatalkan di bawahnya.

5. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 2.

(a) dengan memasukkan selepas takrif "perbadanan" takrif-takrif yang berikut:

' "personel akan bersara" ertinya seseorang pegawai atau seseorang askar-laskar yang hampir akan bersara atau hampir akan diberhentikan atau yang perkhidmatannya dengan angkatan tetap Malaysia hampir akan ditamatkan atau genap tempoh;

"personel bersara" ertinya seseorang pegawai atau seseorang askar-laskar yang telah bersara atau telah diberhentikan atau yang telah menamatkan atau genap tempoh perkhidmatannya dengan angkatan tetap Malaysia;'; dan

(b) dengan memotong takrif "Tabung".

6. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "(kemudian daripada ini disebut "Tabung itu")".

Pindaan  
seksyen 3.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

Seksyen  
baru 3A.

“Tabung Bekas Perajurit dan tujuannya. 3A. (1) Bagi maksud menggalakkan pembangunan sosio ekonomi dan kebajikan, dan menyediakan lain-lain faedah bagi, personel akan bersara atau personel bersara, maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Tabung Bekas Perajurit yang ke dalamnya akan dibayar—

(a) suatu pemberian tahunan daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;

- (b) semua derma, endowmen, hadiah, pinjaman, pemberian wasiat dan lain-lain pemberian yang dibuat kepada atau untuk Tabung Bekas Perajurit; dan
- (c) wang yang didapati atau timbul daripada apa-apa pelaburan wang di bawah Tabung Bekas Perajurit.

(2) Tabung Bekas Perajurit boleh digunakan untuk—

- (a) aktiviti-aktiviti sosio ekonomi, program-program kebajikan dan apa-apa aktiviti dan faedah lain yang boleh meningkatkan keadaan sosio ekonomi mana-mana personel akan bersara atau personel bersara;
- (b) pinjaman kepada mana-mana personel akan bersara atau personel bersara;
- (c) perbelanjaan pentadbiran termasuk membiayai perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga atau mana-mana badan lain yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti, program-program atau faedah-faedah yang disebutkan dalam perenggan (a) dan (b) dan
- (d) lain-lain perbelanjaan yang bersampingan dengan pengurusan Tabung Bekas Perajurit itu.

(3) Lembaga boleh memindahkan apa-apa wang kepada mana-mana badan yang dilantik olehnya selepas mendapat kelulusan daripada Menteri bagi maksud-maksud yang disebutkan dalam subseksyen (2)."

Pindaan  
seksyen 4.

8. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Tabung" dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan "Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit".

**9. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—**Pindaan  
seksyen 5.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Adalah menjadi tugas Lembaga untuk mentadbir dan mengurus Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit mengikut apa-apa cara yang akan memajukan kepentingan pencarum-pencarum dan juga personel akan bersara dan personel bersara yang berkenaan dan membentuk dasar-dasar berkaitan dengan mana-mana daripada tugas-tugasnya dan melakukan apa-apa perkara lain yang boleh dilakukan di bawah Akta ini."; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "itu segala bayaran dan perbelanjaan yang dilakukan sedemikian" dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "Angkatan Tentera atau Tabung Bekas Perajurit itu segala bayaran dan perbelanjaan yang dilakukan masing-masingnya di bawah seksyen 3 atau 3A".

**10. Subseksyen 6(1) dan 15(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "itu" dengan perkataan-perkataan "Angkatan Tentera, Tabung Bekas Perajurit",**Pindaan  
seksyen 6  
dan seksyen  
15.**11. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda—**Pindaan  
seksyen 22.

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) terma-terma dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh mana-mana personel akan bersara atau personel bersara untuk layak mendapat mana-mana faedah di bawah Akta ini."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

(ga) terma-terma dan syarat-syarat termasuk kadar bunga yang kena dibayar,

amaun yang boleh dipinjamkan, acara berhubung dengannya dan apa-apa perkara lain yang bersampingan dengan pemberian pinjaman sedemikian daripada Tabung Bekas Perajurit;" .

—

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.
3. *Fasal 2* bertujuan membuat pindaan am kepada Akta. Dengan pindaan ini, Akta ini sekarang bernama Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973.
4. *Fasal 3* bertujuan membetulkan kesilapan dalam teks bahasa kebangsaan Akta.
5. *Fasal 4* dengan jelas memperuntukkan bahawa pertukaran nama Akta ini tidak akan menyentuh sebutan kepada Tabung Angkatan Tentera dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa suratcara atau dokumen berhubung dengannya dan tidak juga menyentuh hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Lembaga.
6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan takrif-takrif baru bagi maksud penjelasan berhubung dengan cadangan penubuhan Tabung Bekas Perajurit.
7. *Fasal 7* bertujuan memasukkan seksyen baru 3A ke dalam Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Tabung Bekas Perajurit. Tujuan Tabung baru yang dicadangkan ini adalah untuk menggalakkan pembangunan sosio ekonomi dan kebajikan, dan menyediakan lain-lain faedah bagi, personel akan bersara atau personel bersara angkatan tetap Malaysia.
8. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 4 Akta. Pindaan kepada subseksyen (1) adalah diperlukan oleh kemasukan seksyen baru 3A.
9. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 5 Akta berbangkit daripada cadangan pindaan yang dibuat kepada subseksyen 4(1) oleh *fasal 8*.

10. *Fasal 10* bertujuan meminda subseksyen 6(1) dan 15(1) Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkenaan dengan pelaburan aset Tabung Bekas Perajurit.

11. *Fasal II* bertujuan meminda seksyen 22 Akta. Perenggan baru (*aa*) dan (*ga*) bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk menentukan terma-terma dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh mana-mana personel akan bersara atau personel bersara untuk layak mendapat apa-apa faedah di bawah Akta dan menentukan terma-terma dan syarat-syarat bagi pemberian apa-apa pinjaman daripada Tabung Bekas Perajurit.

12. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut dengan nyata adalah pindaan-pindaan yang berbangkit atau kecil sahaja.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 1802.]